

Henti sebar gambar kucing disuntik ubat

16/6/11
BH

Putrajaya: Gambar kucing disuntik dengan ubat pelali dan kemudian diletakkan di dalam tong, berlaku di pusat pelupusan kucing di Amerika Syarikat dan bukannya di Putrajaya seperti viral menerusi laman sosial sebelum ini.

Pengarah Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), Tengku Aina Tengku Ismail Shah, berkata siasatan PPj mendapati paparan gambar dikongsi orang ramai itu diperolehi daripada laman web *petapixel.com*.

Guna kaedah 'tangkap dan lepas'

Katanya, PPj amat kesal dengan tindakan segelintir pengguna laman sosial yang terus menerus menghukum tanpa menyelidik terlebih dahulu gambar berkenaan.

"Ketika ini, jika ada aduan daripada penduduk mengenai kucing tidak bertuan, PPj hanya bertindak mengikut kaedah 'tangkap dan lepas'.

"Kucing berkenaan kemudian dilepaskan di kawasan yang tidak menimbulkan rasa kurang senang kepada penduduk dan pada masa sama masih ada tempat bagi kucing berkenaan untuk mencari makanan," katanya dalam kenyataan, semalam.